

Maklumat COVID-19 untuk Komuniti LGBTIQ+ Berbilang Budaya

Bagaimana cara saya mendapatkan vaksin?

Terdapat beberapa cara mendapatkan vaksin:

- Tempah janji temu dengan pusat vaksin melalui sistem tempahan dalam talian Kerajaan Victoria
- Hubungi talian COVID-19 Kerajaan Victoria di **1800 675 398** (tekan 0 untuk jurubahasa)
- Tempah janji temu di klinik GP yang mengambil bahagian, farmasi atau komuniti perkhidmatan kesihatan
- Buat janji temu berkumpulan untuk mendapatkan vaksin dengan orang lain yang anda kenali
- Kunjungi hab vaksin (sementara) di gerai atau khemah

Apabila anda menempah janji temu vaksinasi, anda akan ditanya beberapa soalan untuk mengesahkan kelayakan anda.

Anda mungkin ditanya tentang etnik, negara atau kelahiran atau bahasa anda – maklumat ini membantu Kerajaan Victoria memahami sokongan terhadap komuniti yang berbeza.



Apa yang perlu saya ketahui tentang pengambilan vaksin?

- Ketika anda sampai, anda mungkin akan diminta untuk **menggantikan pelitup muka anda** kepada pelitup muka baharu
- Bawa pengenalan diri bersama anda [contoh, lesen memandu, pasport atau ID pelajar]
- Anda **tidak memerlukan kad Medicare atau Individual Healthcare Identifier** untuk mendapatkan vaksin
- Anda **mungkin akan ditanya beberapa soalan** tentang kesihatan anda
- Vaksin akan **disuntik di bahagian atas lengan anda**
- Selepas divaksin, **anda akan diminta untuk duduk di tempat menunggu selama 15 minit** untuk melihat sekiranya anda mempunyai sebarang kesan sampingan serta-merta

Amaze dan National Disability Services telah menyediakan skrip sosial dalam bahasa Inggeris yang Mudah yang memberi maklumat tentang apa yang boleh dijangkakan apabila anda mendapat vaksin.



Adakah suntikan vaksin menyakitkan?

Biasanya ia tidak menyakitkan dan dilakukan dengan cepat. Anda mungkin merasakan sengatan tajam yang cepat daripada jarum.

Saya kurang menyukai jarum - apa yang boleh saya lakukan?

Apabila anda bersama doktor atau jururawat yang memberi vaksin, beritahu mereka anda gementar dengan jarum. Mereka boleh membantu anda berasa lebih selesa apabila anda diberi vaksin.

Bolehkah saya mendapatkan seorang jurubahasa?

Anda boleh meminta seorang jurubahasa melalui telefon semasa anda membuat janji temu. Anda juga boleh membawa jurubahasa anda sendiri (mereka juga boleh menjadi pembantu anda).



Apakah pakaian yang perlu saya pakai?

Awak perlu memakai pakaian yang **mudah untuk diselak dan memperlihatkan bahagian atas lengan** (cth., baju-T, baju ber lengan pendek atau kemeja tanpa lengan).



Apakah pilihan yang ada untuk orang kurang upaya?

- > Individu kurang upaya **tidak perlu membuat tempahan** untuk mendapatkan vaksin di pusat vaksinasi Kerajaan Victoria
- > **Pegawai Perhubungan Orang Kurang Upaya** boleh membantu anda mendapatkan vaksin (termasuk sekiranya anda tidak dapat pergi ke pusat vaksin)
- > **Beberapa pusat vaksin di Melbourne dan rantau Victoria** mempunyai kemudahan yang dipertingkatkan termasuk peranti meningkatkan pendengaran dan peralatan komunikasi



Bolehkah seseorang mengikut saya semasa saya mendapatkan vaksin?

Seorang pembantu seperti ahli keluarga atau rakan boleh datang bersama anda. Mereka boleh bersama anda sepanjang masa atau menunggu di luar.



cfre.org.au/lgbtiq-covid